

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN RASMI SEMINAR MENGENAI
"PERHUBUNGAN PERUSAHAAN DAN UN-
DANG-UNDANG BURUH" DI PUSAT DAYA
PENGELUARAN NEGARA, PETALING JAYA,
PADA 18HB OKTOBER, 1973

Tuan Pengerusi Seminar, Y.B. Tan Sri Manickavasagam,¹ Tuan-
tuan dan Puan-puan,

Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan terimakasih atas kesudian pihak penyelenggara Seminar ini menjemput saya untuk merasmikannya. Setahu saya inilah pertama kali diadakan seminar mengenai "Industrial Relations and Labour Laws" pada peringkat kebangsaan, dan saya sangat gembira atas sambutan serta kerjasama pihak majikan yang diwakili oleh MECA, pihak MTUC di samping pihak Kerajaan dan juga kehakiman. Pendek kata, semua yang berkenaan dari sektor awam dan swasta juga kaum sekerja akan melibatkan diri dalam Seminar ini.

Memandang dari kepentingan Kerajaan, saya yakin perbincangan-perbincangan Seminar ini amat berguna untuk memupuk suasana hubungan buruh yang tenteram dan kekuatan kaum buruh yang stabil—industrial peace and labour stability. Ini akan menjamin kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua terutama selepas diadakan Kajian Separuh Penggal atau Mid-Term Review yang akan dibentangkan kepada Parlimen bulan depan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kita sama-sama maklum, pada saat kita membangun negara, industrial peace dirasakan amat mustahak sekali bukan saja bagi memupuk iklim yang baik atau favourable industrial climate untuk menarik pelaburan modal supaya meningkat tempo kegiatan ekonomi, bahkan lebih penting lagi ialah untuk mencapai hasrat nasional melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan penuh kejayaan. Matlamat ini hanyalah boleh dicapai andaikata terdapat kemajuan serta pertumbuhan di bidang perindustrian.

¹ Y.B. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Oleh kerana itu, Dasar Hubungan Buruh atau industrial Relations Policy hendaklah sentiasa mengingat akan kepentingan negara yang bermakna kepentingan kaum majikan atau kesatuan sekerja hendaklah tunduk kepada kehendak-kehendak negara—the interests of employers and trade unions have to be subordinated to the larger interest of the nation. Saya rasa masanya sudah tiba bagi pihak majikan dan pihak buruh menginsafi peranan mereka sebagai rakan bersama dan bersama-sama memegang amanah masyarakat. While capital and labour in a sense employ each other reciprocally, they are both employed in the service of the community and hence the interest of the community at large should be uppermost in handling industrial relations.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dalam hal ini meskipun Kerajaan berpegang teguh pada dasar Collective Bargaining akan tetapi memandang pada keadaan negara kita yang sedang membangun, direct action iaitu tindakan mogok ataupun lockout tidaklah diingini lebih-lebih lagi sebarang tindakan yang di luar sisi undang-undang. Saya percaya kalau collective bargaining tidak berhasil, sebaik-baik jalan ialah mencari penyelesaian menerusi conciliation ataupun arbitration ataupun tindakan mahkamah.

Satu perkara yang patut diingat oleh semua pihak baik majikan atau pekerja ialah every right is duty based i.e. with right there is always responsibility—hak asasi berlandas kepada tanggungjawab masing-masing. Dengan kata-kata lain, kalau semua menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, maka dengan sendirinya pengeluaran akan terjamin yang bermakna kaum pekerja akan mendapat upah yang adil sementara majikan menerima keuntungan yang berpatutan. Dengan itu masyarakat umum akan mendapat barang-barang pengeluaran yang bermutu serta perkhidmatan yang baik dengan bayaran yang menasabah pula.

Bagaimanapun, saya berasa kesal bila melihat statistics tindakan mogok yang semakin meningkat serta kehilangan masa kerja atau man-days work hari ini berbanding dengan dua tahun yang berlalu. Keadaan ini tidaklah menyenangkan sama sekali (20,265 man-days lost in 1971 and 33,455 man-days in 1972 compared to 1,867 in 1970). Incidentally 1970 records the fewest number of strike actions for 25 years—as you know in 1970 we had the NOC Emergency Government. Meskipun kaum buruh berhak

mengambil tindakan mogok, ini hendaklah dianggap sebagai tindakan terakhir setelah segala usaha di sisi undang-undang didapati tidak berhasil oleh kerana ini akan membawa akibat yang buruk kepada pelabur terutama foreign investors. Oleh itu pihak majikan dan kesatuan sekerja sebaik-baiknya hendaklah mengatasi masaalah yang dihadapi mereka secara bertolak ansur supaya mengekalkan suasana harmoni setiap masa. Reasonable grievances should be redressed in order to ensure harmony in industrial relations.

Dengan tujuan ini juga Kerajaan mengkaji semula Undang-undang Buruh dari semasa ke semasa serta dipinda untuk menyesuaikan dengan perubahan masa dan kepentingan negara. Beberapa pindaan sedang dipertimbangkan bagi Industrial Relations Act dan Employment Ordinance supaya lebih melicinkan pentadbiran serta menjamin pelaksanaan dasar Kerajaan dengan lebih sempurna. Perlembagaan negara kita menjamin kebebasan berorganisasi dan undang-undang negara menganggap tidak adil kalau pihak majikan enggan menerima seorang bekerja dengannya atas alasan ianya ahli kesatuan sekerja ataupun memegang jawatan dalam kesatuan sekerja. Begitu juga tindakan mengadakan "closed shop union" seperti yang diura-urakan untuk pekerja pengangkutan adalah bertentangan dengan undang-undang dan Perlembagaan Negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Menyentuh tentang perkembangan industri di negara ini, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan kita di masa hadapan bergantung pada kemajuan kita mengubah tapak asas ekonomi negara daripada agriculture-based kepada industry-based nation. Saya berpuas hati dengan perkembangan dan kemajuan di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka dalam usaha menarik masuk pelaburan. Negeri-negeri lain patut mengorak langkah supaya lebih banyak lagi industry bertapak di sini dan dengan itu melegakan tekanan pengangguran—to ease the pressure of unemployment especially unemployment among the youth.

Saya telah seringkali menegur agar lebih banyak industry di bawa ke pekan-pekan kecil di luar bandar supaya memberi peluang pekerjaan di luar bandar serta menghentikan aliran belia dari luar bandar masuk ke bandar. Dalam pada itu, patutlah diingat oleh kerana negara kita berbilang bangsa penduduknya,

maka pengambilan tenaga buruh untuk satu-satu perusahaan hendaklah mencerminkan pembahagian penduduk-penduduk di negara ini.

Saya hendak menekankan kepada pihak majikan supaya imbangan racial composition ini dicerminkan pada setiap peringkat supaya membolehkan pembahagian yang wajar dan adil bagi setiap kaum baik di bidang perniagaan ataupun industry.

Kepada belia-belia yang tidak bekerja saya berseru supaya jangan sangat memilihkan kerja, pekerjaan di ladang-ladang sama juga penting dengan pekerjaan di Bandar-bandar.

Seperti yang sama-sama dimaklumkan, masalah besar yang dihadapi pada masa ini ialah kenaikan harga barang-barang terutama pada waktu menjelang perayaan. Salah satu sebabnya ialah "imported inflation" dan tidaklah dinafikan harga setengah barang-barang keperluan telah meningkat naik tetapi ini bukanlah di negara kita sahaja bahkan phenomena di serata dunia. Kerajaan sedang menjalankan ikhtiar untuk menjamin bekalan serta harga yang berpatutan bagi barang-barang keperluan sehari-hari dan dalam hal ini saya percaya kedua-dua pihak majikan dan kesatuan sekerja dapat membantu usaha Kerajaan supaya melegakan tekanan inflasi itu. Kesatuan sekerja melalui syarikat kerjasama tentulah dapat mengambil peranan sebagai saluran barang-barang keperluan untuk ahli-ahlinya dan menjamin mereka mendapat bekalan dengan harga yang berpatutan. Cara ini adalah lebih baik untuk mengelakkan spiraling effect kenaikan harga barang-barang itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Akhir kata, saya berharap Seminar ini akan menambahkan lagi pengetahuan kita mengenai usaha mengekalkan kesetabilan dan harmoni di bidang perindustrian serta memupuk hubungan kerjasama yang berhasil antara majikan dengan pekerja-pekerja. Saya percaya forum terbuka ini memberikan peluang untuk mengkaji semua aspek hubungan buruh berdasar kepada pengalaman masing-masing untuk merumuskan syor-syor yang membina bagi pertimbangan Kerajaan.

Saya dengan sukacita merasmikan Seminar ini sambil mengucapkan selamat berjaya.